

Pementasan Cik Siti Masyhur tambat hati penonton

BERITA HARIAN 3/1/2019 p.26

Kuala Lumpur : Pementasan teater bersempena Malam Tradisi Sastera Rakyat (MTSR) Kali Ke-34 yang mengangkat naskhah cerita rakyat negeri Johor, *Legenda Cik Siti Masyhur*, berjaya dipentaskan oleh gabungan mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Walaupun tiada kemahiran asas sebagai pelakon teater, pementasan naskhah yang diadakan di Dewan Besar UPM itu ternyata mampu menam-



Barisan pelakon *Legenda Cik Siti Masyhur* pada MTSR Kali Ke-34 di UPM, baru-baru ini.

bat hati penontonnya.

Dekan FBMK, Prof Dr Abdul Muati @ Zambri Ahmad, berkata MTSR ialah program yang

dinanti-nantikan pelajar kerana pementasan itu memberikan pengalaman baharu kepada mahasiswa daripada kedua-dua

fakulti berkenaan yang mengikuti Kursus BBK 3305 (Kesusasteraan Rakyat Melayu).

"MTSR masih relevan

selagi tujuan dan matlamatnya jelas. Ini juga peluang terbaik mahasiswa bekerjasama melalui gabungan dua fakulti bagi menghasilkan sebuah teater yang mengangkat cerita rakyat yang hampir dilupakan generasi muda kini," katanya.

Cerita Rakyat

Naskhah *Legenda Cik Siti Masyhur* olahan Milyana Arshad itu mengisahkan Cik Siti yang berparas cantik berkahwin sehingga 100 kali dengan 99 suaminya meninggal dunia akibat daripada ilmu kunci nafsu yang

diamalkannya bagi mengelakkkan pandangan jahat lelaki.

Akhirnya, suaminya yang ke-100 iaitu Habib mampu menyembuhkan sumpahan Cik Siti.

Pementasan itu turut mengundang tetamu dari universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), selain mendapat kerjasama daripada Persatuan Teater Malaysia serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).